
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JPS 412 – Pembelajaran Melalui Seni Kreatif

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SOALAN NO. 1 dan pilih DUA (2) soalan lain.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

...2/-

1. Seni ekspresif dikatakan sebagai agen pengayaan personaliti *total* kanak-kanak daripada aspek-aspek pembelajaran dan pemikiran kreatif, perkembangan dan pengeksploitan potensi-potensi kanak-kanak seperti kesedaran estetik dan kinestetik, pengayaan seni dan kreativiti, kebebasan pengucapan dan pemahaman budaya.

Bincangkan bagaimana penyatuan (integrasi) setiap komponen seni ekspresif seperti muzik, dramatika kreatif, seni visual, dan pergerakan kreatif dapat merentasi kurikulum pendidikan untuk membentuk kanak-kanak yang harmonis dan berjiwa murni dalam masyarakat pelbagai budaya.

(40 markah)

2. Ilmu estetik mempunyai tiga komponen utama iaitu sikap, proses dan respons.
- (a) Huraikan makna setiap komponen ini dengan contoh-contoh yang jelas.
- (b) Mengapakah pendidikan estetik (*aesthetic education*) penting dalam pembentukan personaliti kanak-kanak dari sudut intelek, sosial dan afektif.

(15 markah)

(15 markah)

3. Model **A U T A** merupakan satu model kreativiti yang dipelopori oleh Davis & O'Sullivan dalam tahun 1980.

Huraikan pertalian setiap komponen yang terdapat dalam model ini dengan beri contoh-contoh yang sesuai untuk menyokong jawapan anda.

(30 markah)

4. Kreativiti boleh ditakrifkan sebagai produk, proses, kemahiran, ciri-ciri keperibadian (personaliti), dan suasana persekitaran. Bincangkan.

(30 markah)

5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan improvisasi pergerakan?
- (b) Huraikan 8 prinsip improvisasi pergerakan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai untuk mengukuhkan jawapan anda.

(10 markah)

(20 markah)